

52

~~272~~  
~~40/79~~

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN OBI,  
TINDALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA  
BERMICKAP YANG DIFERTUA, PERSATUAN  
SEJARAH MALAYSIA DALAM MESYUARAT  
HAJLIS TARIKHAN KALI KE 20, DI DEWAN  
BAHASA & PUSTAKA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI SABTU, 10ND MAC, 1974  
JAM 9.30 PAGI.

YB Tuan Haji Mohamed bin Yaacob,  
Menteri Pelajaran Malaysia,

Tuan Haji Hamdan, Pengurus Jawatankuasa  
Kerja, Persatuan Sejarah Malaysia,

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Saya berasa sukacita kerana dapat hadir di Majlis ini bagi merasmikan Mesyuarat Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia yang ke 20 pada pagi ini. Sungguhpun saya berhajat untuk turut bersama tuan-tuan dan puan-puan berbincang dalam mesyuarat ini, akan tetapi oleh kerana saya dan YB Tuan Haji Mohamed akan menghadiri mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO selepas ini, saya minta maaf kerana tidak dapat bersama dan berharap salah seorang ahli Majlis akan dipilih untuk menguruskan Mesyuarat ini.

2. Persatuan Sejarah Malaysia sekarang sudah berusia 20 tahun. Sejak ditubuhkan di Kuala Lumpur pada bulan April 1953, Persatuan ini mempunyai 19 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia. Saya harap kita akan dapat menubuhkan banyak cawangan lagi di tahun-tahun akan datang. Dalam masa duapuluh tahun, Persatuan ini bukan sahaja telah mencapai tujuan utamanya iaitu menubuhkan minat serta kecenderongan orang ramai di negara ini terhadap sejarah tanah air bahkan telah dan sedang melaksanakan beberapa projek-projek sejarah. Butir-butir lengkap mengenai projek-projek Persatuan telahpun dinyatakan dalam laporan tahunan yang diadarkan.

3. Persatuan Sejarah Malaysia telah membuat beberapa kemajuan dalam tahun 1973 dan saya percaya ini ialah hasil kerjasama semua peminat dan ahli-ahli Persatuan.

4. Saya iuga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan beribu-ribu terima kasih kepada YAB Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri serta Setiausaha-Setiausaha Kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia yang senantiasa memberikan dorongan dan perencaman kepada Cawangan Persatuan Sejarah Malaysia di peringkat negeri dan di peringkat daerah.

5. Sukacita saya dapati bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Melaka, Kedah dan Negeri Sembilan mempunyai undang-undang bagi menubuhkan Lembaga Huzium Negeri.

Kerajaan negeri Johor sedang melaksanakan sebuah projek muzium yang terbesar sekali seluruh negara. Kompleks Muzium yang akan menelan perbelanjaan sebanyak \$1.5 million dan meliputi 70 ekar tanah di Batu 4 Jalan Seudai, Johor Bahru sedang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor. Kompleks tersebut akan mengandungi sebuah muzium, Rumah Panjang, Pelabuhan lama, Panggung terbuka (open air theatre) dan Kampung orang asli. Usaha seperti ini, secara besar-besaran, sangatlah menggalakkan. Saya inginlah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan negeri Johor atas inisiatifnya itu. Saya berharap negeri-negeri lain yang belum mempunyai muzium akan berikhtir supaya mengadakannya bagi memperkayakan lagi sejarah dan kebudayaan Malaysia.

6. Walaupun urusan memelihara muzium, tugu, rekod purbakala dan bersejarah, tapak bina dan bekas purbakala termaktub dalam Perlembagaan sebagai tanggungjawab kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan negeri boleh mengambil tindakan secepat mungkin untuk memelihara tempat dan bangunan yang bersejarah di bawah Seksyen 17, 21 dan 22 Ordinan Antiquiti dan Harta Karun (The Antiquities and Treasure Trove Ordinance) 1957. Hal ini tidak boleh terbiar sahaja kerana kuasa masih ada pada Kerajaan-kerajaan negeri dalam "The Antiquities and Treasure Trove Ordinance, 1957" itu. Saya harap kita akan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mencapai maksud itu.

7. Dalam tahun 1973, tiga cawangan peringkat daerah baru telah ditubuhkan iaitu Cawangan Kuala Lompat, Kuala Selangor dan Dinding. Ketiga-tiga cawangan ini mempunyai banyak unsur sejarah. Saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi takniah kepada pegawai-pegawai daerah, Guru-guru Besar tempatan yang telah memberikan pertolongan serta sokongan penuh dalam urusan penubuhan cawangan tersebut. Saya sangat berharap cawangan di daerah lain, yang penuh dengan kegiatan sejarah seperti Kuala Pilah, Port Dickson, Kota Tinggi, Muar dan Batang Padang dapat ditubuhkan dalam tahun ini juga.

Tuan-tuan dan Puan-puan, saya ini menjadi  
ahli adalah diwujudkan ke dalam pindaan

9. Saya sukacita mendapat tahu bahawa  
semua cawangan seluruh Semenanjung Malaysia  
sedang membuat berbagai-bagai rancangan untuk  
mengadakan HINGGU SEJARAH tahun ini. Saya  
harap usaha ini akan meninggalkan kesan-kesan  
tertentu dalam aktiviti kita mengenalkan  
sejarah kepada masyarakat umum. Dalam  
masyarakat hari ini, ahli-ahli adalah diminta  
membincangkan beberapa pindaan kepada Perlembagaan  
Persatuan bagi memperkuatkan kedudukan Cawangan  
Persatuan sama ada di peringkat negeri maupun  
di peringkat daerah.

9. Persatuan Sejarah kita telah menerima  
beberapa permohonan dari yayasan-yayasan dalam  
negeri dan luar negeri untuk menjadi ahli.

..8

Syarat bagi membolehkan yayasan ini menjadi ahli adalah dimasukkan ke dalam pindaan tersebut. Mudah-mudahan dengan pindaan ini, aktiviti Persatuan Sejarah Malaysia dapat dihebahkan di semua yayasan seluruh negara kita dan juga menerusi yayasan luar negeri.

10. Dalam mesyuarat Majlis pada tahun lalu, saya pernah menyatakan bahawa masyarakat yang sedang berkembang maju, khasnya di negara yang telah mencapai kemerdekaan, seperti di Malaysia memerlukan perubahan sebuah muzium sejarah untuk mencatatkan detik-detik sejarahnya supaya dapat mengikuti zaman sains dan teknologi ini dengan penuh keazaman. Jawatankuasa Kerja serta Jawatankuasa Projek Persatuan telah mengkaji cadangan saya itu dengan lebih teliti dan Kertas Kerjanya sudahpun disampaikan untuk tatapan ahli-ahli sekalian.

Kertas Kerja ini disediakan oleh sebuah Jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Sajak bin Rahman. Beliau telah dapat kerjasama dari Encik Abdul Rahim bin Abdul Rahman, seorang ahli Jawatankuasa yang telah melawat ke Muzium Sejarah di Moscow dan Setiausaha Kehormat Encik Henry telah melawat ke Muzium-muzium di Britain, negeri Belanda, Amerika Syarikat dan Indonesia pada bulan Disember, 1973. Daripada lawatan ini kita maklum bahawa muzium sejarah adalah didapati di beberapa negara lagi dalam dunia ini.

perlu mengupayakan sejarah nasional seperti Tuan-tuan dan Puan-puan, ini oleh sebab itu

di dalam Muzium Sejarah di Teluk dan

11. Muzium Sejarah Nasional yang  
dicadangkan itu akan memperlihatkan sejarah  
negara kita dari zaman purbakala, hingga  
sekarang, menikut kurun dan jua berdasarkan  
tema tertentu.

Kandah moden dan yang sungguh menarik akan digunakan dalam tiap-tiap bahagian muzium sejarah itu supaya orang ramai dapat memahami dengan mudah semua aspek sejarah negara kita. Pengetahuan mengenai sejarah Malayaia dalam bidang politik, kebudayaan, sosial dan ekonomi patutlah dihabiskan kepada rakyat negara kita dan juga kepada beribu-ribu orang pelawat yang mengunjungi negara kita.

12. Dalam dunia ini saya diberitahu ada dua kumpulan muzium sejarah. Kumpulan pertama menggambarkan sejarah nasional seperti Muzium Sejarah yang dilihat oleh kawan-kawan kita di Moscow, Muzium Sejarah di Taiwan dan Monument Nasional di Jakarta. Kumpulan kedua menampilkan bukan sahaja bahan-bahan yang

bercorak sejarah nasional bahkan bahan-bahan sejarah dari luar negeri seperti terdapat dalam British Museum di London, Rijksmuseum di Amsterdam dan Metropolitan Museum di New York. Muzium Sejarah Nasional kita, saya harap, akan bercorak jenis pertama iaitu berdasarkan Sejarah Kebangsaan Malaysia dan pergolakannya dari abad ke abad. Dan sesuai dengan kedudukannya, saya harap Fersatuan kita dapat mengesyorkan supaya muzium ini ditempatkan di bangunan Sultan Abdul Samad iaitu bangunan bersejarah yang menempatkan Pejabat Urusnie atau Secretariat Kerajaan Selangor sekarang. seperti dalam The History, The Journal dan 13. Selain dari itu, saya harap mulai dari sekarang kita akan berusaha menentukan tempat sejarah dirakamkan riswayatnya untuk pengetahuan jenerasi kita dan akan datang.


Saya yakin cara ini akan dapat memperkenalkan sejarah kita sebagai negara yang lahir dan bangun dari sejarah-sejarah yang gemilang. Upanama tempat Pahlawan Tok Gajah atau Orangkaya Bahaman bertempur dengan askar-askar upahan bangsa sikh di Pahang diberikan papan tanda serta dicatitikan sejarahnya. Demikian juga tempat kubu pertahanan askar Melayu di Raja menentang musuh diletakkan papan serta diceritakan risikunya. Seterusnya, tempat askar Jepun mendarat, tempat askar British bertapak semula di negeri ini dapat diceritakan menjadi kenangan sejarah. Banyak lagi tempat seperti makam Tok Maning, Tok Janggut dan lain-lain dapat diberikan nilai sejarah tertentu.

15. Saya harap kita akan dapat maju selangkah lagi dalam usaha memupuk dan memperkenal sejarah negara kita. Dengan kerjasama ahli-ahli dan peminat sejarah, saya harap projek-projek kita dapat dihasilkan. Sepatakkata, negara besar hanya lahir dari sejarah yang dicipta oleh patriotnya. Dengan berpandukan sejarah juga, kita berharap dapat mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu serta dapat memperkukuhkan perpaduan negara.

16. Sebagai mengakhirkata, saya hendak membarikan penghargaan kepada semua ahli Jawatankuasa kerja khasnya dan ahli-ahli sekalian anye yang telah menabur jasa bagi kemajuan Persatuan ini.

Saya berharap kita akan bersama-sama bekerja untuk menambatkan kegiatan Persatuan dan menjadikannya badan yang benar-benar dapat mengumpulkan penggambaran sejarah negara. Selain dari itu, atas permintaan dari Tuan Haji Hassan dan ahli-ahli Jawatankuasa yang lain, saya telah bersetuju, untuk menjadi Yang Di Pertua Persatuan bagi tahun 1974, jika sekiranya dipercayai oleh tuan-tuan semua.

17. Dengan harapan dan ingatan ini, saya sukacita serahkan Mesyuarat Majlis Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia yang ke-10 kepada Tuan-tuan yang berkecuali dan berharap Mesyuarat ini berjaya.



Terimakasih.

No. 211
No. 1/1974



No. Siri ..... 596  
No. Penerimaan ..... 106/79